Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA 9 MAC 2026

RANCANG PERJALANAN BALIK KAMPUNG DENGAN MYPLUS-TTA SEMPENA AIDILFITRI

Patuhi saranan MyPLUS-TTA untuk perjalanan lebih lancar

Petaling Jaya, 9 Mac 2026 – PLUS menjangka terdapat lonjakan jumlah kenderaan yang menggunakan rangkaian lebuh raya kendaliannya pada hari-hari puncak khususnya aliran trafik keluar dari Lembah Klang menuju ke kampung halaman masing-masing bagi sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri 2026.

Sehubungan itu, PLUS menyarankan pengguna lebuh raya untuk merancang perjalanan pulang ke kampung dengan merujuk kepada jadual perjalanan digital, MyPLUS-TTA yang boleh diakses menerusi aplikasi PLUS. MyPLUS-TTA ini bertujuan untuk memudahkan pengguna lebuh raya untuk merancang perjalanan dengan lebih efisien dan seterusnya membantu memastikan aliran trafik yang lebih lancar di lebuh raya. Kini, MyPLUS-TTA boleh diakses bukan sahaja pada musim-musim perayaan, malah pada hari-hari puncak terpilih.

Dengan mematuhi MyPLUS-TTA, pengguna lebuh raya dijangka dapat menikmati perjalanan yang lebih lancar sepanjang musim perayaan.

Sepanjang musim perayaan, orang ramai boleh mendapatkan jadual perjalanan digital MyPLUS-TTA untuk memilih waktu perjalanan yang paling optimum di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) yang tersedia di aplikasi PLUS bagi perjalanan antara 18 Mac 2026 hingga 30 Mac 2026 akan datang. Aplikasi PLUS boleh dimuat turun secara percuma daripada Google Play Store (bagi pengguna Android) dan App Store (bagi pengguna Apple).

Pengguna boleh mengakses jadual perjalanan digital, MyPLUS-TTA melalui aplikasi PLUS dengan menekan ikon ‘MyPLUS-TTA’. Selepas memilih tarikh, destinasi serta masa perjalanan, pengguna boleh menerima notifikasi trafik yang berkaitan. Selain itu, maklumat perjalanan seperti lokasi plaza tol, kawasan Rehat dan Rawat (R&R), hentian sebelah, kemudahan tersedia serta paparan kamera CCTV trafik masa nyata juga boleh disemak di aplikasi PLUS.

(Sila rujuk infografik yang disertakan)

Pada masa yang sama, pengguna lebuh raya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi aplikasi PLUS, Pembantu Maya - PUTRI, mengikuti aplikasi X@plustrafik dan aplikasi X@lpt2trafik, paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih atau menerusi saluran stesen-stesen radio utama negara.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	**Rofina Adam** Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my

Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

FOR IMMEDIATE RELEASE 9 MAC 2026

PLAN YOUR JOURNEY BACK TO HOMETOWN WITH MyPLUS-TTATHIS AIDILFITRI

Follow the MyPLUS-TTA travel schedule for a smoother journey

Petaling Jaya, 9 March 2026: - PLUS anticipates a surge in the number of vehicles using its highway during peak days, particularly with the outbound traffic from the Klang Valley travelling back to their hometowns for the Hari Raya Aidilfitri 2026 celebrations.

PLUS advises highway users to plan their hometown journeys by referring to the digital travel schedule, MyPLUS-TTA, which can be accessed through the PLUS application. MyPLUS-TTA is designed to help highway users plan their journeys more efficiently and in turn contribute to smoother traffic flow along the highways. MyPLUS-TTA is now accessible not only during festive seasons, but also on selected peak travel days.

By adhering to the MyPLUS-TTA schedule, highway users are expected to enjoy a smoother journey throughout the festive season.

During the festive season, the public can access the MyPLUS-TTA digital travel schedule to select the most optimal travel time on the PLUS Highway and the Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) which is available on the PLUS application for travel between the upcoming 18 March 2026 and 30 March 2026. The PLUS application can be downloaded for free from the Google Play Store (for Android users) and the App Store (for Apple users).

Users can access the MyPLUS-TTA digital travel schedule via the PLUS application by selecting the 'MyPLUS-TTA' icon. After choosing the travel date, destination and preferred travel time, users will receive relevant traffic notifications. In addition, travel information such as toll plaza locations, Rest and Service Areas (R&R), lay-bys, available facilities, as well as real-time traffic CCTV camera views can also be checked through the PLUS application.

(Please refer to the attached infographic)

At the same time, highway users can obtain the latest traffic information via the PLUS application, Virtual Assistant - PUTRI, by following X@plustrafik and X@lpt2trafik, Electronic Signages (VMS) at selected locations or through the country's main radio stations.

-END-

MEDIA CONTACT:

Mashitah Mohd Arshad Acting Head Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 013-2097092 Email: mashitah@plus.com.my	**Rofina Adam** Manager Corporate Communications PLUS Malaysia Berhad Mobile: 012-657 4452 Email: rofina@plus.com.my